



TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYAARKAT
DI BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK JKM 2017
DI PLPP, BANGI
25 Oktober 2016 (SELASA)

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

SOLUTASI

- 1) Pengarah-Pengarah Bahagian,
- 2) Pengarah-Pengarah JKM Negeri, dan

seterusnya warga JKM, tuan/puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah dipanjatkan berbanyak syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Bengkel Perancangan Strategik JKM 2017**. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan

Pembangunan serta Pengurusan kerana telah mengambil inisiatif untuk menjadi urus setia dan mengendalikan bengkel tahunan ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kita semakin hampir ke penghujung tahun 2016 dan ini memberi indikator kepada kita bahawa semua projek, aktiviti dan program yang telah dirancang pada awal tahun 2016 akan diteliti, diukur dan dinilai pencapaian dan keberkesanannya. Kita ingin pastikan semua yang dirancang adalah dilaksanakan mengikut jadual dan dinilai serta diukur mengikut KPI yang diharap akan melepasi sasaran ditetapkan.

Sebelum saya bergerak dengan lebih jauh lagi, izinkan saya untuk memberi sedikit fokus tentang maksud perancangan itu sendiri. Saya suka melihat perancangan dari perspektif **tindakan-tindakan yang dijanjikan untuk dilaksanakan dan mencapai objektif yang disasarkan.** Hal ini sejajar dengan pandangan dalam kamus *Merriam Webster* yang menerangkan perancangan sebagai:

'a set of actions that have been thought of as a way to do or achieve something' *- Kamus Merriam Webster*

Sehubungan dengan itu, sebagai penjawat awam khususnya perancang, hendaklah mengetahui dan memahami proses perancangan yang boleh dilihat dalam 4 langkah utama iaitu:

- i. Menenalpasti objektif yang hendak dicapai
- ii. Merencana strategi untuk pencapaiannya
- iii. Mengatur dan membina perancangan
- iv. Perlaksanaan dan pemantauan terhadap perancangan yang telah dibuat.

Untuk tahun 2015, JKM boleh berbangga dengan pencapaian anugerah di **43rd International Exhibition Of Inventions of Geneva**, Anugerah OpenGov anjuran MAMPU dalam kategori **Excellence in Analytics Employee Innovation** dan **Excellence in Analytics open Source Tools**. Kejayaan yang seperti ini seharusnya diteruskan dan ditingkatkan ke tahun berikutnya. Hasrat kita untuk terbang tinggi mudah mudahan akan tercapai.

Perancangan strategik JKM tahun 2016 adalah selari dengan perancangan strategik KPWKM yang telah dibentang dan dipersetujui pada Bengkel Pembangunan Pelan Strategik yang diadakan di Hotel Pullman Putrajaya pada akhir tahun 2015 yang lalu.

Semua pengarah bahagian dan negeri telah menetapkan sasaran kerja tahunan masing-masing. Pemantauan oleh ibu pejabat JKM telah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan sasaran kerja tahunan dilaksanakan bertepatan dengan objektif yang ditetapkan.

Cabaran yang paling besar pada tahun 2016, adalah pelaksanaan mekanisme yang dirancang selaras dengan RMK 11 terutama dalam Teras 1 strategii B4, B5 dan B6 serta dalam Bab 9, yang memberi tumpuan khusus kepada kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk bahagian kanak-kanak, saya ingin melihat kepada kejayaan mengaplikasikan program bagi meningkatkan penjagaan kanak-kanak berasaskan keluarga pelihara di dalam masyarakat. Sebanyak 200 keluarga disasarkan sepanjang tahun 2016 dan saya mengharapkan bahagian kanak-kanak JKM akan berjaya mencapai lebih daripada bilangan yang disasarkan.

Untuk teras strategik **Pengukuhan Perkhidmatan Perlindungan Dan Pembangunan Kanak-Kanak** juga, saya ingin melihat kejayaan sistem alternatif kepada pengukuhan penjagaan kanak-kanak iaitu *deinstitutionalization* yang mensasarkan 500 orang pelindung telah mendapat latihan dan pengetahuan untuk pelaksanaannya sehingga tahun 2020.

Untuk memperkukuhkan sistem sokongan keluarga, saya yakin dan percaya bahagian kanak-kanak akan berjaya menjayakan program keluarga harmoni yang memberi tumpuan kepada keluarga dan kanak-kanak yang bermasalah. Sasaran yang ditetapkan sepanjang tahun 2016 adalah dua program dengan penglibatan sebanyak 100 keluarga.

Bagi meluaskan akses kepada pengasuhan, penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, JKM berhasrat melahirkan lebih banyak TASKA baru didaftarkan iaitu melebihi 1000 buah TASKA. Hal ini sesungguhnya akan membuka ruang dan peluang kepada pengasuhan, penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti ditingkatkan bagi melahirkan kanak-kanak yang berkualiti.

Selain daripada itu, saya juga tidak lupa kepada mekanisme kolaborasi JKM dengan institusi atau NGO bagi meningkatkan perkhidmatan sedia ada. Komitmen pelbagai pihak amat penting bagi menzahirkan bahawa isu-isu sosial sepatutnya dikongsi dan ditangani bersama-sama. Melalui CSR, syarikat swasta dan NGO boleh membantu JKM dalam menyelamatkan generasi masa hadapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi menjana pendapatan Orang Kurang Upaya, saya mensasarkan tahun 2016 akan membawa makna yang besar dengan meningkatkan

pelaksanaan *Economic Empowerment Program* (EEP). Sasaran yang ditetapkan adakan 500 orang klien.

Program *Job Coach* juga dipertingkatkan dengan mensasarkan 100 orang OKU yang mendapat manfaatnya dalam 2 program dilaksanakan.

Bagi mendayaupayakan OKU, maka melaksanakan program, seminar, kursus dan latihan yang menjurus kepada peningkatan potensi diri OKU dilaksanakan bagi memastikan kepentingan OKU terpelihara. Saya mengharapkan JPOKU akan mempertingkatkan perkhidmatan *homehelp* kepada OKU dengan kapasiti 1500 OKU yang mendapat manfaat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Pembangunan PLPP adalah agenda utama kita yang ditumpukan kepada pembangunan pelan strategik kecemerlangan PLPP, pusat *entrepreneur* kebajikan produktif, pusat pengeluaran dan pemasaran alat tiruan, pusat penyelidikan OKU dan sebagainya. Sepanjang tahun 2016 sehingga 2020, kita menjangkakan PLPP akan menjadi sebuah institusi yang mendukung kepada kepentingan dan hak-hak OKU dalam masyarakat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi memberi dimensi baru kepada perkhidmatan PDK, JKM bercadang untuk melaksanakan penyumberan luar PDK. Bagaimanapun, hal ini memerlukan kajian yang lebih mendalam termasuk pemeliharaan kepentingan OKU supaya dapat ditingkatkan dan peluang interaksi OKU dalam komuniti dimantapkan. Fungsi PDK akan dikekalkan dalam masyarakat tetapi pelaksanaannya perlu kepada penambahbaikan yang komprehensif.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi memantapkan prestasi warga emas, pelaksanaan Sistem Pemantauan Dasar Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, saya mengharapkan semua negeri telah berjaya menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas di semua negeri. Hal ini penting bagi memastikan hak warga emas sentiasa terpeliharakan dan dirancang dengan teliti sejajar dengan perancangan Malaysia sebagai sebuah negara tua menjelang tahun 2030 nanti.

Pusat Aktiviti Warga Emas atau PAWE adalah salah satu program yang disasarkan JKM untuk membuka ruang dan peluang kepada warga emas untuk terus berada dalam komuniti serta menyumbangkan pengetahuan dan pengalaman. JKM menyasarkan sebanyak 30 PAWE ditubuhkan seluruh negara dengan seramai 10,000 orang warga emas yang akan mendapat manfaat.

Bagi menjamin pembelajaran sepanjang hayat, RSK Cheras telah dijadikan sebagai pusat kecemerlangan warga emas untuk memastikan kepentingan warga emas dilestarikan. Sebanyak 100 warga emas disasarkan untuk tahun 2016. Untuk menggalakkan penuaan aktif, JKM sangat menggalakkan warga emas mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja dan *Job Malaysia* untuk memastikan warga emas kekal dalam pasaran pekerjaan terbuka.

Program *respite care* telah diperkenalkan di RSK Cheras bagi memastikan warga emas mendapat pembelaan yang sewajarnya. Sementara itu, Program *home help* untuk warga emas akan terus dipergiatkan dengan sasaran JKM pada tahun 2016 sebanyak 1,500 warga emas mendapat manfaat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Penyumberan luar RSK Bedong juga sedang giat dilaksanakan dan pandangan daripada masyarakat sedang dikumpul untuk penyediaan kertas kerja. Dengan penyumberan luar ini, saya mengharapkan perkhidmatan JKM terutama penyampaian perkhidmatan kepada warga emas, akan dikongsi bersama pihak ketiga. Sekiranya projek rintis ini berjaya, maka JKM juga berhasrat akan membuka peluang kepada institusi-institusi lain. Saya yakin dengan penyumberan luar ini akan memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Setakat ini, JKM masih belum memiliki pusat penyelidikan warga emasnya sendiri. Sehubungan itu, untuk perancangan jangka masa panjang, saya suka melihat RSK Cheras yang bukan sahaja berfungsi sebagai sebuah institusi penjagaan kepada warga emas, tetapi juga sebuah pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan isu-isu berkaitan warga emas.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi memantapkan penjagaan dan pemeliharaan orang papa, maka saya berhasrat untuk menukar skop pengoperasian Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bahru kepada Desa Bina Diri Kuala Kubu Bahru. Hal ini memungkinan satu transfomasi dalam pelaksanaan program yang lebih jitu dapat diwujudkan kepada kumpulan sasar orang papa. Satu kajian yang significant perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan ini boleh mencapai objektif.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bagi memperkasa pesalah perintah khidmat masyarakat, maka tahun 2016 pihak JKM ingin memastikan pesalah mudah ini diberi peluang

untuk menjadi usahawan dalam program kebajikan produktif. Sebanyak 45 projek disasarkan untuk pesalah muda.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk tahun 2016, pelaksanaan program *2 year exit program* disasarkan seramai 1,500 orang klien akan mendapat manfaat dalam 3 fasa pengoperasian dengan indikator peningkatan RM300 setiap kes. Kejayaan program ini menunjukkan pencapaian dan jalan keluar kepada klien dan seterusnya kejayaan kepada program yang dilaksanakan JKM.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk tahun 2017, saya mengharapkan perancangan lebih teliti dapat dibuat dengan beraspirasikan kesejahteraan klien. Setiap intervensi yang hendak dilaksanakan, hendaklah berasaskan kepada kompetensi kerja sosial secara pengemblingan faktor nilai, pengetahuan dan kemahiran kepada pekerja sosial.

Perancangan tahun 2017, hendaklah berasaskan kepada pencapaian sasaran 2016 yang masih belum tercapai atau memerlukan kesinambungan untuk tahun-tahun berikutnya. Selain daripada itu, program yang berbentuk *fabulous* atau yang memberi lebih banyak impak kepada klien dan JKM sendiri harus diperkenalkan. Kita tidak mahu sasaran kerja tahunan untuk tahun 2017, tersasar daripada objektif JKM sendiri atau objektif KPWKUM umumnya.

JPOKU misalnya boleh menumpukan kepentingan klien menjana pendapatan melalui penyediaan kemahiran bagi persaingan mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Penjana ekonomi OKU sangat penting dilaksanakan samada secara kolaborasi NBOS atau GLC bagi menunjukkan keupayaan OKU selain daripada mengurangkan

kebergantungan kepada kerajaan. Selain daripada itu, JPOKU juga perlu memberi tumpuan kepada kepelbagaian kategori OKU untuk mendapatkan pekerjaan. Di Bangkok Thailand umpamanya, OKU dengan kerjasama APCD telah berjaya memulakan operasi kedai bakeri untuk pasaran terbuka. Kedai bakeri OKU ini telah beroperasi dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat melalui persaingan dengan kedai-kedai bakeri lain. Saya percaya produk Bengkel Daya Kelang juga berkualiti dan mampu bersaing dalam pasaran terbuka sekiranya kita betul memberi tumpuan kepada strategi pemasaran yang jelas dengan sasaran kepada pengguna baru. Sehubungan itu, BDK perlu didayaupayakan dengan lebih giat lagi.

Perancangan tahun 2017 juga perlu memasukkan elemen *people centric*, *touch point* dan *problem solving*. Hal ini penting bagi menzahirkan perkhidmatan JKM sebagai perkhidmatan yang mendapat tempat dihati rakyat dengan keperihatinan menyelesaikan isu masyarakat secara praktikal.

Pada pandangan saya, perancangan sasaran kerja tahunan boleh berpandukan kepada pelaksanaan yang terdapat dalam teori sistem sosial yang melihat kepada peranan dan pencapaian yang boleh dimainkan oleh setiap bahagian, negeri dan daerah. Dalam teori ini, peranan yang dimainkan oleh pelbagai peringkat organisasi adalah jelas untuk mencapai matlamat organisasi. Jika terdapat mana-mana bahagian yang kurang berperanan, maka ia akan memberi kesan negatif kepada organisasi keseluruhannya. Fungsi setiap bahagian, negeri dan daerah adalah sangat penting dalam organisasi bagi memastikan misi dan visi JKM terlaksana.

Seperti yang dipraktikkan di England, bahawa model perancangan strategik JKM tahun 2017 boleh berasaskan kepada model **Kesihatan Awam England 2017-2020** yang telah meletak kepentingan awam mengatasi kepentingan lainnya. Penanda arasan ini perlu bagi memastikan Malaysia adalah berada dilandasan yang betul serta contoh kepada negara asean lain.

Justeru untuk mencapai matlamat dan sasaran tahun 2017 ini, marilah kita terus mendokong dan mempertingkatkan tekad serta azam untuk berusaha dengan lebih gigih, disiplin yang tinggi, berintegriti dan amanah dalam satu pasukan yang kuat sepertimana yang telah diassimilasikan di dalam JKM selama ini.

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Bengkel ini bukan sahaja melihat kepada pencapaian SKT 2016, tetapi juga merancang SKT untuk tahun 2017 yang berpandukan kepada perancangan strategi JKM yang telah dicadangkan. Perancangan strategi ini boleh dimurnikan lagi mengikut keperluan semasa JKM dengan menambah elemen *fabulous* yang memberi manfaat kepada kumpulan sasar. Faktor *people centric*, *touch point* dan *problem solving* diharap dapat dimasukkan untuk tahun 2017.

Besarliah harapan saya agar bengkel ini secara tidak langsung terus akan membuka peluang kepada JKM pelbagai peringkat untuk merancang dan memberi idea bagi memajukan organisasi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan bengkel ini.

Saya sudah dengan ucapan
Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Sekian. Terima kasih.